

## KENDERAAN TANPA PEMANDU / AUTONOMOUS VEHICLE

Kenderaan tanpa pemandu / *Autonomous Vehicle* boleh ditafsirkan sebagai sebuah **kenderaan yang mampu bertindak balas terhadap persekitarannya** dengan menggunakan pelbagai teknik seperti radar, LIDAR, GPS dan *odometry* untuk pemanduan tanpa input manusia di atas jalanraya.



Secara teknikalnya, ciri – ciri pembinaan dan pematuhan standard mandatori bagi kenderaan tersebut adalah sama seperti mana pematuhan oleh kenderaan konvensional yang mempunyai pemandu.

Dalam aspek pendidikan pemanduaan pula, pihak JPJ perlu membangunkan modul khas bagi melatih dan meningkatkan **kemahiran / kompetensi pemanduan kenderaan** tanpa pemandu tersebut.

Disamping itu juga, pihak MOT perlu mampu menyediakan jumlah peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan dasar penggunaan kenderaan tanpa pemandu ini secara menyeluruh di Malaysia terutamanya dari segi kemudahan pengujian, pembangunan sistem GPS dan fasiliti di atas jalanraya.

Penggunaan kenderaan tanpa pemandu pada masa kini di Malaysia adalah lebih fokus kepada aktiviti penyelidikan dan kajian pasaran sahaja.

